

06 MAY 2002

Mahathir-Islam/I

KEBENCIAN TERHADAP ORANG ISLAM MENINGKAT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kebencian terhadap orang Islam kini semakin meningkat berbanding dengan keadaan sebaik sahaja berlakunya serangan 11 Sept terhadap Amerika Syarikat.

"Keadaan nampaknya semakin buruk sejak saya menemui (Presiden Amerika George) Bush di Shanghai (pada November), keadaan semakin buruk, perasaan takut dan benci telah semakin meningkat, bukannya semakin berkurangan," katanya.

Dr Mahathir bercakap pada persidangan media selepas menyampaikan ucap-tama pada Mesyuarat Agung Antarabangsa ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di sini.

Beliau berkata beliau akan menyampaikan pandangan itu apabila beliau menemui Presiden Amerika itu pada 12 Mei ini, bersama-sama isu yang berkaitan dengan keganasan di samping perkara lain yang mempunyai kaitan dengan Malaysia, US dan dunia.

Terdahulu pada sesi soal-jawab selepas ucap-tama itu, Perdana Menteri telah menyatakan bahawa Malaysia sedang melakukan segala yang terdaya untuk menentang keganasan tetapi ia tidak fikir yang langkah menandatangani perjanjian untuk membanteras aktiviti seumpama itu akan memberi kesan yang besar.

Beliau berkata adalah lebih baik untuk mewujudkan suatu persefahaman tentang bagaimana cara yang terbaik untuk mengatasi masalah itu.

Dr Mahathir juga telah ditanya oleh seorang peserta yang menyifatkan beliau sebagai pemimpin Islam yang sederhana dan terkenal, tentang bagaimana beliau dapat membantu menghapuskan persepsi negatif terhadap orang Islam selepas serangan 11 Sept itu.

"Saya bukan sederhana, saya seorang fundamentalis Islam," jawab beliau secara berseloroh, disambut dengan gelak-ketawa mereka yang hadir.

Dr Mahathir berkata bahawa fundamental Islam yang sebenar mengajar umatnya supaya mencintai keamanan dan hidup berbaik-baik.

Bagaimanapun, katanya, banyak di kalangan umat Islam yang melakukan perkara yang dilarang oleh agama mereka itu dan menggunakan Islam sebagai suatu alasan untuk melakukan sesuatu yang salah.

Dr Mahathir berkata apa yang sedang dilakukan oleh Malaysia ialah untuk kembali kepada fundamental Islam yang mengajar umatnya hidup dalam aman dan mengangap semua orang Islam sebagai saudara.

Bagaimanapun sesetengah daripada umat Islam bertelagah sesama sendiri, katanya.

Beliau berkata tanggapan negatif terhadap orang Islam adalah disebabkan oleh gembur-gembur media yang mengaitkan keganasan dengan agama itu.

"Media selalu menyebut tentang penganas Islam tetapi tidak ada pula yang menyebut tentang penganas Buddha, penganas Hindu, penganas Christian, penganas Katolik atau penganas Protestan," katanya.

Dr Mahathir bertanya sama ada perlu untuk disebut agama seseorang penganas jika dia beragama Islam dan tidak menyebutnya jika dia tidak beragama Islam.

Beliau berkata daripada umat Islam yang berjumlah 1.3 orang di seluruh dunia, hanya satu bahagian yang sangat-sangat kecil sahaja yang terbabit dalam tindakan keganasan.

-- BERNAMA

MAD MR ZS NMO

